

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM (SET 2)
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Masa: 2 Jam 15 Minit

1. *Kertas ini mengandungi **dua** bahagian, iaitu Bahagian A mengandungi **satu** soalan dan Bahagian B mengandungi **lima** soalan.*
2. *Soalan pada bahagian A **wajib** dijawab dan jawab **satu** soalan pada bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

BAHAGIAN A
[Masa dicadangkan: 45 minit]
[30 markah]

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kegiatan untuk menjaga kesihatan. Huraikan pendapat anda tentang **amalan gaya hidup sihat**. Panjang huraian **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

GAYA HIDUP SIHAT



Makanan seimbang



Berjoging



Berkhemah



Memeriksa kesihatan

BAHAGIAN B

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Remaja mestilah bersedia dalam menghadapi cabaran pada masa depan. Mereka mestilah mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk menempuh alam pekerjaan.

Bincangkan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja.

2. Anugerah Tokoh Ibu Misali telah diberikan kepada seorang ibu tunggal yang telah berjaya mendidik dan membesarkan anak-anaknya. Sebagai wartawan sebuah majalah anda telah ditugaskan untuk mewawancara tokoh tersebut.

Tulis wawancara tersebut selengkapnya.

3. Masyarakat majmuk negara ini perlu bersatu-padu dan bermuafakat untuk membentuk negara yang maju dan aman.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

4. Bumi ini dikongsi bersama oleh seluruh manusia di merata pelusok dunia. Oleh itu, pencemaran alam perlu dikawal agar manusia dapat hidup aman dan bahagia.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

5. Pantun ialah puisi tradisional yang amat popular dan memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat suatu masa dahulu.

Jelaskan peranan pantun dalam masyarakat.

JAWAPAN

BAHAGIAN A

Pendahuluan

- kita mestilah mengamalkan gaya hidup sihat

Isi-isi

- makan makanan yang berkhasiat dan seimbang
- mengeluarkan peluh dengan bersukan, berjoging, dan sebagainya
- berehat dan menenangkan fikiran – berkhemah, melancong dan sebagainya
- memeriksa kesihatan – pemeriksaan awal dapat mengesan punca penyakit

Penutup

- badan sihat, minda cerdas – berjaya yang hidup

BAHAGIAN B

1. Format: Tiada

Pendahuluan

- Remaja mestilah bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan – menguasai pelbagai kemahiran

Isi-isi

- mahir dalam kemahiran teknologi maklumat
- bijak berkomunikasi
- menguasai bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain
- berupaya mengatasi masalah dengan cekap
- boleh bergaul dengan semua golongan masyarakat
- mengamalkan ajaran agama yang dianuti

Penutup

- remaja ialah pemimpin generasi masa depan – masa remaja tidak wajar disia-siakan

2. Format: Wawancara

Pendahuluan

- Latar belakang wawancara

Isi-isi

- ucapan tahniah
- kejayaan yang dicapai oleh anak-anak
- cara mendidik anak-anak
- kepentingan ajaran agama dalam mendidik anak-anak
- masalah yang dihadapi dalam mendidik anak-anak
- pesanan kepada ibu tunggal yang lain

Penutup

- ucapan terima kasih

3. Format: Tiada

Pendahuluan

- rakyat yang berbilang kaum perlu hidup bermuafakat – negara aman dan maju

Isi-isi

- masyarakat Malaysia perlu bekerjasama – menjamin keamanan negara
- masyarakat yang bersatu tidak mudah diganggu gugat oleh kuasa asing
- ekonomi negara akan berkembang dengan baik jika tiada persengketaan
- dapat menarik pelancong ke negara ini – tidak khuatir untuk datang
- bersatu kita teguh bercerai kita roboh
- persengketaan kaum hanya menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat – tidak bebas bergerak

Penutup

- setiap rakyat Malaysia mestilah cinta akan keamanan

4. Format: Tiada

Pendahuluan

- pencemaran mendatangkan kesan buruk kepada semua negara di dunia

Isi-isi

- mengurangkan penggunaan bahan yang mengandungi klorofluorokarbon – menyebabkan penipisan lapisan ozon
- mengetatkan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di setiap negara
- memastikan penggunaan petrol tanpa plumbum
- mengawal penebangan hutan di setiap negara
- menyediakan sistem pelupusan sampah yang efisien

Penutup

- membebaskan dunia daripada pencemaran – selamatkan dunia

6. Format: Tiada

Pendahuluan

- Ciri-ciri pantun secara umum – pantun memainkan peranan penting dalam masyarakat

Isi-isi

- memberikan nasihat kepada kanak-kanak
- menyatakan perasaan kasih sayang sesama insan
- menyatakan perasaan terima kasih dan penghargaan
- digunakan semasa menyampaikan hujah dalam syarahan, ceramah, dan pidato
- menghiburkan pendengar – dondang sayang dan berbalas pantun

Penutup

- pantuan perlu disuburkan dan dikekalkan penggunaannya